

22/06/2003

Elak peristiwa 1987 berulang: Muhyiddin

NAIB Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin menasihatkan ahli parti mengambil iktibar peristiwa hitam 1987 akibat saingan sengit merebut jawatan sehingga Umno diharamkan setahun kemudian bagi mengelaknya daripada berulang.

Katanya, kebimbangan yang diluahkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada

ucapan dasarnya mengenai kemungkinan berlaku perebutan untuk jawatan tertinggi dalam parti selepas berundur memang berasas.

Justeru, katanya, semua pihak harus akur kepada sesiapa saja yang menjadi pilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalannya apabila mengambil alih kepimpinan.

Muhyiddin turut membuat pengakuan terbuka bahawa beliau tidak akan mencabar sesiapa pun yang dipilih Abdullah.

"Yang penting sesiapa yang dipilih, orang itu harus disokong kerana beliau sebagai Perdana Menteri dan timbalannya perlu bekerja keras untuk menolong orang Melayu memperkuatkan Umno dan memperkukuhkan kerajaan kerana beliau juga adalah Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang juga jadi tunggak kepada kerajaan.

"Disebabkan beliau perlu melaksanakan segala amanah besar, apakah kita tak boleh membantu hanya setakat tidak bertanding atau mencabar jawatan yang sudah dipilih oleh beliau," katanya ketika menggulung perbahasan.

Muhyiddin berkata, ketika memimpin parti selama sejak 22 tahun, Perdana

Menteri sudah melihat sendiri pelbagai peristiwa membabitkan parti daripada pertandingan yang tidak sihat sehingga perebutan kuasa dan usaha

untuk menumbangkan presiden dan pimpinan negara yang terbukti menyebabkan

hasil buruk kepada negara.

"Secara peribadi saya mempunyai sepenuh keyakinan Abdullah berkemampuan, berwibawa dan mempunyai segala kebijaksanaan untuk meneruskan kesinambungan kepimpinan cemerlang yang sudah diasaskan oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata, pendiriannya untuk tidak mencabar sesiapa yang akan dipilih Pak Lah datang daripada hati yang tulus ikhlas kerana berpegang kepada harapan yang sudah diutarakan Presiden parti.

Beliau berkata, ahli parti tidak seharusnya sangsi atau gusar dengan komitmen yang sudah disuarakannya untuk mencabar sesiapa yang akan dipilih

Abdullah sebagai timbalannya.

"Walaupun saya berkelayakan (tetapi) kerana secara tradisinya Naib Presiden adalah orang yang dipilih sebagai Presiden dan Timbalan Presiden,

tetapi saya berlapang dada kerana yang penting dalam soal ini kita nak tentukan adanya kesinambungan kepimpinan yang kukuh dan kuat untuk parti dan negara.

"Apa yang penting seperti yang presiden sebut ialah bukan diri kita.

Yang utama adalah parti dan orang Melayu serta negara," katanya.

Sehubungan itu, katanya, mulai hari ini ahli parti sudah mengambil satu pendirian yang teguh dan kukuh bahawa Abdullah bukan saja disokong tetapi jawatan presiden parti juga jangan dipertandingkan.